



KENYATAAN MEDIA SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI

OPERASI PERKHIDMATAN AWAM NEGERI SABAH SEPANJANG TEMPOH PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN (PKP) MULAI 01 HINGGA 14 JUN 2021 DI NEGERI SABAH

Selaras dengan keputusan Kerajaan Negeri mengenai dengan Pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan di Negeri Sabah bermula 01 hingga 14 Jun 2021, semua Kementerian / Jabatan / Badan Berkanun Negeri / Agensi Kerajaan Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan hendaklah beroperasi seperti biasa dalam keadaan seperti berikut:

- i. Pematuhan sepenuhnya kepada *Standard Operating Procedure (SOP)* Kementerian Kesihatan Malaysia dan arahan Jabatan Perkhidmatan Awam Negeri Sabah dari semasa ke semasa,
- ii. Kehadiran kakitangan di organisasi masing-masing hendaklah **sekurang-kurangnya 60% di pejabat masing-masing dan 40% Bekerja Dari Rumah**,
- iii. Penjadualan kerja hendaklah mengambilkira **perkhidmatan perlu (essential service), kebajikan, keselamatan dan penggiliran kakitangan**,
- iv. Penggunaan aplikasi atas talian adalah **DIWAJIBKAN** dan diperluaskan untuk **meminimakan kehadiran pelanggan di kaunter dan pejabat Kerajaan**,
- v. Mesyuarat, kursus, seminar dan latihan secara bersemuka adalah **TIDAK DIBENARKAN**, dan
- vi. Ketua Jabatan diberi kuasa untuk menentukan **penggiliran kakitangan** yang perlu hadir ke Pejabat dan yang Bekerja Dari Rumah.

Walau bagaimanapun, Ketua Jabatan boleh mengeluarkan arahan bekerja kepada mana-mana kakitangan di bawah jagaan masing-masing yang bersesuaian dengan keperluan perkhidmatan kerajaan dari semasa ke semasa.

Semua Ketua Jabatan perlu memastikan perkara ini dipatuhi supaya tidak berlaku penularan COVID-19 di tempat kerja.

Sekian.

#Kita Jaga Kita, Kita Tatap Manang#

SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SABAH
31 MEI 2021

“SABAH MAJU JAYA”